

CNS6478

U GB 15-01 00110 BA211

Aab

Mahathir - Daim

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau belum membuat keputusan mengenai hasrat Datuk Paduka Daim Zainuddin untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Menurut Perdana Menteri, beliau hanya mendengar apa yang disuarakan oleh Datuk Paduka Daim mengenai hasratnya itu, semasa pertemuan mereka di pejabatnya tengah hari ini.

+Saya tidak memberikannya sebarang jawapan,+ katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen petang ini.

Oleh yang demikian, Datuk Paduka Daim masih menjadi Menteri Kewangan, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat menyatakan bilakah beliau akan membuat keputusan. -- Lagi.

♥15/01/17-59MST

CNS6516

U GB 15-01 00171 BA219

Aab

Mahathir - Daim 2 Kuala Lumpur

Pagi ini, ketika bercakap dengan pemberita selepas merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Institut Bank-bank Simpanan Antarabangsa di sini, Datuk Paduka Daim mengulangi bahawa beliau serius hendak meletakkan jawatan kabinet itu yang disandangnya sejak Julai 1984 tetapi akan menimbangkan semula jika diminta oleh Perdana Menteri meneruskan khidmatnya.

Menurut Datuk Paduka Daim, antara alasan perletakan jawatannya itu, ialah janjinya dengan Perdana Menteri untuk berkhidmat sehingga ekonomi negara pulih.

Beliau juga mahu meletakkan jawatan sebagai Bendahari UMNO jika dibenarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Datuk Paduka Daim tidak menyebut mengenai hasrat untuk melepaskan jawatan bendahari UMNO, dalam pertemuan mereka hari ini.

Ketika ditanya sama ada pengganti Datuk Paduka Daim akan dipilih daripada kalangan anggota kabinet yang lain atau orang dari luar kabinet, beliau berkata soal itu tidak timbul kerana beliau belum lagi membuat keputusan terhadap hasrat Datuk Paduka Daim untuk melepaskan jawatan menteri itu. -- Lagi.

♥15/01/18-18MST

CNS6559

U GB 15-01 00065 BA229

Aab

Mahathir - Daim 3 Kuala Lumpur

Mengenai perlantikan timbalan menteri daripada kalangan wakil MIC, Perdana Menteri berkata perlantikan itu akan dibuat secepat mungkin.

Dalam persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada Sabtu lepas, Datuk Seri Dr Mahathir mengesahkan telah menerima senarai nama calon daripada MIC untuk dilantik sebagai timbalan menteri. -- Bernama.

♥15/01/18-52MST